**PROMOSI DEPOSIT TETAP-i GABUNGAN DENGAN AKAUN SEMASA ATAU SIMPANAN-i**
Dikemas kini pada 27 September 2021

**<u>TEMPOH PROMOSI</u>**

**"Promosi Deposit Tetap-i Gabungan dengan Akaun Semasa atau Simpanan-i"** ("Promosi") oleh Hong Leong Islamic Bank Berhad's [200501009144 (686191-W)] ("**HLISB**") (dirujuk sebagai "**Bank**") bermula pada 1 Oktober 2021 dan berakhir pada 31 Disember 2021, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai Had Saiz Dana seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 13 di bawah mengikut mana yang terdahulu ("Tempoh Promosi"), melainkan diberitahu sebaliknya.

**<u>TERMA & SYARAT</u>**
Terma dan Syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi di bawah **("T&S"):**

**<u>KELAYAKAN</u>**

1. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan yang baru and sedia ada yang merupakan individu atau bukan individu warga Malaysia dan individu atau bukan individu bukan warga Malaysia ("Pelanggan").

2. Bagi mengelakkan sebarang keraguan:
   (i) Pelanggan baru bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai sebarang produk dengan Hong Leong Bank Berhad ("**HLB**")/HLISB sebelum Tempoh Promosi.
   (ii) Pelanggan sedia ada bermaksud pelanggan yang mempunyai sebarang produk dengan HLB/HLISB sebelum Tempoh Promosi.
   (iii) Pelanggan bukan individu bermaksud persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi tidak berasaskan keuntungan, pemilikan tunggal, perkongsian dan amalan profesional yang sempurna didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia, tidak termasuk syarikat dan badan korporat.

3. Akaun Deposit Tetap-i sertaan ("Akaun FD-i Sertaan") untuk Promosi ini adalah seperti berikut:-
   (a) Deposit Tetap-i ("FD-i");

4. Akaun Semasa or Akaun Simpanan-i sertaan ("CASA-i Sertaan") untuk Promosi ini adalah seperti berikut:-
   (a) Akaun Simpanan Asas Hong Leong-i;
   (b) Akaun Simpanan Hong Leong-i; dan
   (c) Akaun Pay&Save Hong Leong-i

5. Promosi ini sah bagi <u>Dana Baru</u> sahaja. "Dana Baru" ditakrifkan sebagai:
   (a) Wang tunai, 'Financial Process Exchanges' ("FPX"), Pindahan Segera, GIRO antara bank, dana baru yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain dan deposit ke dalam Akaun Deposit Tetap ("**FD**")/Deposit Tetap-i (**"FD/FD-i"**) yang baru atau sedia ada, Akaun Semasa atau Akaun Simpanan/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i (**"CASA/CASA-i"**) dimiliki oleh Pelanggan; dan
   (b) Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau 'Hong Leong Invest Safe' semasa Tempoh Promosi yang dideposit semula ke dalam mana-mana CASA/CASA-i Pelanggan.

6. Untuk tujuan Promosi ini, Dana Baru mesti diletakan dan didepositkan ke dalam Akaun FD-i Sertaan dan CASA-i Sertaan Pelanggan dalam tempoh tujuh (7) hari dari pemindahan Dana Baru ke FD/FD-i dan CASA/CASA-i Pelanggan.

7. Yang berikut tidak boleh dianggap sebagai "Dana Baru":
   (a) FD / FD-i" yang matang atau pengeluaran pramatang FD/FD-i dari mana-mana akaun FD/FD-i yang sedia ada;
   (b) Pindahan dana antara bank, iaitu pemindahan dana dari akaun HLB/HLISB yang lain (sama ada Akaun Simpanan, Simpanan-i, Semasa, Semasa-i, FD, FD-i, Akaun Pelaburan Berjangka-i, Akaun Pelaburan Am ("GIA")); dan
   (c) Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).

8. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLISB atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.

9. Pelanggan yang telah melakukan, atau dikenalpasti oleh HLISB berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di dalam Terma & Syarat ini akan serta-merta terlucut kelayakan daripada menyertai Promosi ini.

## KAEDAH PROMOSI

10. Untuk menikmati kadar promosi FD-i yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah, Pelanggan perlu semasa Tempoh Promosi:
    (a) deposit amaun yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah ke dalam salah satu Akaun FD-i Sertaan dengan tempoh FD-i 12-bulan. Amaun yang perlu di depositkan mesti tidak kurang daripada **Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000)** dan tidak melebihi **Ringgit Malaysia Lima Juta (RM5,000,000)** dan deposit tersebut bermaksud “**Amaun Peletakan FD-i**”; dan
    (b) deposit amaun yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah ke dalam salah satu CASA-i Sertaan atas nama Pelanggan dan tandatangan dikehendaki sebagai Akaun Sertaan FD-i (“**CASA-i Namaan**”) dengan peruntukan selama dua belas (12) bulan berturut-turut (“**Tempoh Peruntukan**”). Deposit tersebut bermaksud “**Amoun Peletakan CASA-i**”.

11. Peletakan dan peruntukkan CASA-i hendaklah dibuat serentak dengan Peletakan FD-i semasa Tempoh Promosi. Jika Peletakan CASA-i dan/atau Peletakan FD-i dibatalkan, dikeluarkan (sebahagian atau sepenuh) atau dilepaskan dalam Tempoh Peruntukan dan/atau dalam Tempoh FD-i atas apa jua sebab (kecuali seperti yang diperuntukkan di bawah klausa 18, 19 dan 20 di dalam ini), maka kadar semasa FD-i akan digunapakai bagi keseluruhan Peletakan FD-i.

Jadual 1

| Produk | Tempoh FD-i | Kadar Promosi FD-i [1] | Amaun Peletakan | Kadar Efektif [2] | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Pay&Save-i | Simpanan Biasa-i | Simpanan Asas-i |
| FD-i | 12-bulan | 3.05% setahun | FD-i RM100,000 dan CASA-i RM30,000 | 2.61% setahun | 2.36% setahun | 2.41% setahun |
| | | | FD-i RM200,000 dan CASA-i RM60,000 | 2.61% setahun | 2.36% setahun | 2.41% setahun |
| | | | FD-i RM500,000 dan CASA-i RM150,000 | 2.54% setahun | 2.36% setahun | 2.41% setahun |
| | | | FD-i RM1mil dan CASA-i RM300,000 | 2.46% setahun | 2.36% setahun | 2.41% setahun |
| | | | FD-i RM2mil dan CASA-i RM600,000 | 2.41% setahun | 2.36% setahun | 2.41% setahun |
| | | | FD-i RM5mil dan CASA-i RM1.50mil | 2.38% setahun | 2.36% setahun | 2.41% setahun |

[1] *Sekiranya perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR), kadar keuntungan promosi akan disemak.*
[2] *Kadar Efektif berbeza mengikut Amaun Peletakan FD-i, Amaun Peletakan CASA-i dan jenis CASA-i Namaan. Sekiranya perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR), kadar efektif akan disemak.*
[3] *Bagi kelayakan untuk mendapat kuntungan simpanan Pay&Save-i, Pelanggan hendak meletakkan deposit RM2,000 dalam transaksi tunggal ke dalam Akaun Pay&Save-i setiap bulan berturut-turut semasa Tempoh Peruntukan, tertakluk kepada Terma dan Syarat Akaun Pay&Save-i.*

12. Untuk tujuan promosi ini, pelanggan yang menepati semua kriteria dalam Klausa 10 dan 11 akan dirujukkan sebagai “**Pelanggan Layak**”.

13. Jumlah saiz dana untuk FD-i Sertaan masing-masing adalah seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 2 di bawah (“Had Saiz Dana”).

**Jadual 2**

| Tempoh | Had Saiz Dana |
|---|---|
| 12-bulan | RM200 Juta |

14. Jika Amaun Peletakan FD-i melebihi Amaun Peletakan FD-i yang ditetapkan (seperti yang dinyatakan di Klausa 10(a)) atau Had Saiz Dana masing-masing dicapai, Amaun Peletakan FD-i yang melebihi Amaun Peletakan FD-

i yang ditetapkan atau Had Saiz Dana akan tertakluk kepada kadar FD-i semasa seperti yang ditentukan oleh HLISB.

15. Tiada Resit FD-i akan dikelurkan untuk setiap peletakan FD-i.

16. Kadar keuntungan yang diperolehi bagi Akaun FD-i Sertaan akan dikreditkan ke dalam CASA-i Namaan Pelanggan Layak pada tarikh matang.

17. Apabila tarikh matang, Amaun pokok Peletakan FD-i akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa FD-i masing-masing dan kadar keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA-i Namaan Pelanggan Layak pada tarikh matang.

18. Tertakluk kepada Klausa 19 di dalam ini, bagi FD-i, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan FD-i dibenarkan dengan gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Walau bagaimanapun, jika baki dalam FD-i kurang daripada **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut**.**

19. Jika Amaun Peletakan FD-i dikeluarkan sebelum tarikh matang Tempoh FD-i, sama ada sepenuh atau sebahagian, keuntungan tidak akan dibayar bagi amaun pengeluaran sebahagian dan pengeluaran pramatang FD-i.

20. Bank berhak menolak balik dan debit amaun setara dengan keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan Layak bagi Amaun Peletakan FD-i yang dikeluarkan sebelum tarikh matang dari Akaun FD-i Sertaan.

21. Pelanggan bersetuju melepaskan hak untuk menuntut harga jualan penuh bagi sebarang pengeluaran FD-i sebelum tarikh matang.

22. Amaun Peletakan FD-i tidak boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak.

23. Promosi ini tidak disahkan dengan promosi-promosi lain yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

**UMUM**

24. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan besetuju:
    (i) telah membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat Promosi dan Terma & Syarat Umum Akaun bagi Deposits dan Deposit Perbankan Islam bagi Akaun FD-i Sertaan dan CASA-i Sertaan;
    (ii) keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan;
    (iii) mengakses laman sesawang HLISB www.hlisb.com.my (dirujuk sebagai "**Laman Sesawang Bank**") secara kerap untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma & Syarat;
    (iv) keuntungan yang diperoleh tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit, cek ataumanfaat semacamnya; dan
    (v) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.

25. Bank berhak:
    (i) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan oleh Bank dianggap sesuainya daripada menyertai Promosi ini;
    (ii) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda keseluruhan atau sebahagian Terma & Syarat terkandung di dalam ini atau menamatkan Promosi ini dengan cara menyiarkannya dalam Laman Sesawang Bank, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank, pada bila-bila masa dengan memberi notis awal; dan
    (iii) membatalkan keuntungan yang diperolehi sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Terma & Syarat Promosi dan/atau Terma & Syarat Umum Akaun bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam bagi Akaun FD-i Sertaan dan CASA-i Sertaan.

26. Terma & Syarat di dalam ini dan Terma & Syarat Umum Akaun bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam bagi Akaun FD-i Sertaan dan CASA-i Sertaan hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dan Terma & Syarat Umum Akaun bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam bagi Akaun FD-i Sertaan dan CASA-i Sertaan, maka Terma dan Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

27. Jika terdapat percanggahan antara terma dan syarat dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Sesawang Bank akan diutamakan.

28. Terma & Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.

29. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

**Produk Deposit-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**